

LANGKAH-LANGKAH MENGENALI HADITH PALSU

Oleh : Dr. Ahmad Najib Bin Abdullah*

Abstrak

Artikel ini bertujuan menjelaskan pengertian hadith maudhu dan bahayanya terhadap umat Islam. Hal ini disebabkan ia boleh merosakkan agama dan akal. Pada masa yang sama artikel ini cuba menyenaraikan langkah-langkah perlu bagi mengenali ciri-ciri hadith palsu.

The purpose of this article is to clarify the definition of the maudhu. Traditions and its impact to the whole Muslims. It can destroy the purity of Islam and deviate the Muslims mind itself. At the same time, this article tries to list some steps that need to be taken in recognizing the criteria of False Hadith.

هذا المقال يهدف إلى بيان الحديث الموضوع وخطورته للأمة المسالمة إذ أنه يفسد الدين والعقل. وفي الوقت نفسه يحاول المقال تسجيل الخطوات الالازمة التي ينبغي اتخاذها في التعرف على مواصفات الحديث الموضوع.

Muqaddimah :

Orang-orang Islam pada umumnya menyedari kepentingan al-Hadith sebagai sumber pegangan mereka di samping Al-Qur'an Al-Karim, tetapi tidak ramai yang benar-benar menyelami permasalahan-permasalahan berkaitan dengan hadith terutama perkara-perkara yang dibincangkan dalam *Uhum Al-Hadith* atau *Mustalah Al-Hadith*. Penguasaan ilmuwan Islam dalam bidang hadith amat penting dalam upaya memperjuang dan mempertahankan Al-Hadith sesuai dengan kemulian dan keagongannya di samping mempertahankannya dari sebarang unsur negatif yang boleh mengelirukan dan memberi tanggapan yang salah kepada orang ramai tentang kedudukan hadith itu sendiri.

Di antara gejala negatif yang melanda umat Islam sejak sekian lama tersebarinya apa yang disebut sebagai hadith-hadith maudhu' atau hadith-hadith palsu di mana ia telah banyak membawa implikasi buruk kepada umat Islam baik dari segi acijahah, ibadat, pemikiran dan akhlak mereka. Walaupun ia ternyata membahayakan umat ini, namun ia tetap mendapat tempat di hati

* Pensyarah di Jabatan Usuluddin, KIAS

sebahagian mereka. Mengapa tidak, ia terus dikembangi oleh golongan-golongan tertentu termasuk juga sebahagian mereka yang berkelulusan Agama yang gemar berceramah, berkuliah atau menulis di dalam ruangan-ruangan Agama, malangnya mereka tidak cermat dalam mengambil atau merujuk kepada hadith-hadith, asalkan ia dianggap hadith maka ia adalah bahan yang mesti dipegangi tanpa perlu dikaji dan dipastikan kesahihannya walaupun ia adalah hadith palsu!

Berdasarkan apa yang telah dijelaskan di atas, umat ini mesti diberi suntikan baru agar ia lebih bertanggung jawab dan benar-benar memahami kedudukan dan kemurnian hadith. Mereka harus mengetahui kaedah-kaedah mengenali hadith-hadith palsu samada menerusi sanad atau matan. Dengan itu kita akan dapat membendung penyebaran hadith palsu dan pencemarannya di kalangan masyarakat Islam, khususnya di negara kita ini.

Definisi Hadith Palsu :

Hadith palsu atau hadith maudhu' (الحديث الموضع) dalam pengertian ilmu *Mustalah al-Hadith* bermaksud hadith dusta dan direka oleh seseorang perawi dan disandarkan hadith tersebut kepada Rasulullah s.a.w.¹

Mengenal Ciri-Ciri Hadith Palsu :

Untuk mengetahui kepaluanan sesebuah hadith bukanlah suatu kerja yang senang, malah ia adalah satu tugas besar yang memerlukan persiapan ilmu yang benar-benar mantap, penghayatan yang bersungguh-sungguh tentang keseluruhan sunnah dan sirah Nabi s.a.w .

Al-Allamah Ibnu Qayyim al-Jauziyyah r.a pernah ditanya apakah boleh mengenal hadith palsu dengan berdasarkan cirri-ciri tertentu tanpa melihat kepada sanad sesebuah hadith. Beliau menjelaskan:

"Soalan ini cukup bernilai sekali. Sesungguhnya orang yang mampu mengetahui perkara itu adalah orang yang mempunyai ilmu yang luas tentang sunnah-sunnah Nabi s.a.w yang sahib di mana ia meresap ke dalam darah dan dagingnya sehingga ia benar-benar mahir dan menguasai ilmu tentang sunnah dan athar serta sirah Rasulullah s.a.w dan ajaran petunjuknya; suruhan dan larangannya, berita-berita dan seruan dakwah yang sampaikan, perkara-perkara kegemaran baginda, juga perkara-perkara yang tidak

disukai baginda serta apa jua yang disyari'atkan baginda kepada umat seolah-olah ia sendiri bergantung dengan baginda sebagai seorang sahabat baginda.

Orang berkenaan tentunya mengetahui perilaku, perbuatan dan bicara baginda, apa yang harus diperkatakan dan tidak harus diperkatakan baginda serta apa yang tidak diketahui selain baginda. Inilah hal pengikut terhadap (Rasul) ikutannya, malah orang yang benar-benar (mencintai sunnahnya) akan gigih berusaha dalam mendapatkan segala kata-kata sabda dan perbuatan baginda serta mampu pula membezakan antara apa yang boleh dan tidak boleh dinisabkan kepada baginda. Hal ini tidak boleh dilakukan oleh mereka yang tidak memiliki kemampuan sebagaimana yang dinyatakan. Ia hanya dapat dilakukan oleh pengikut (muqallid) terhadap imam-imam mereka di mana para pengikut tentunya mengetahui pendapat-pendapat, nas-nas serta mazhab imam mereka".²

Ibnu Daqiq al-'Eid r.a pula ada menyatakan :

"Pada kebiasaananya, ulamak menghukum sesuatu hadith itu palsu dengan mengambil kira ciri-ciri yang terdapat dalam matan dan lafaz-lafaz hadith. Kesimpulannya bahawa mereka itu memiliki persediaan diri dan keupayaan yang kuat disebabkan lamanya tempoh berurusan dengan hadith sehingga mereka mengetahui apa yang boleh diterima sebagai ia bersumber lafaz-lafaz kenabian atau tidak"³

Justeru itu, bukan semua orang layak menangani masalah hadith-hadith palsu. Orang yang layak hanyalah mereka yang mendalami dan menghayati sunnah Rasulullah s.a.w dalam erti kata yang sebenar di samping mempunyai ilmu-ilmu dalam bidang hadith dan pengamatan yang tajam dalam membezakan antara hadith yang sahih, dhaif serta hadith yang palsu.

Langkah-langkah Untuk Mengenal Hadith Palsu :

Al-Hafiz Ibnu Hajar r.a ada menyebut tentang tanda-tanda hadith palsu yang boleh diperhatikan melalui keadaan atau kedudukan perawi (sanad) dan juga bahan yang diriwayatkan (matan).⁴

1- Mengenal Hadith Palsu Menerusi Kajian Terhadap Sanad Hadith⁵ :

Tanda-tanda kepalsuan hadith pada sanad dapat dilihat kepada beberapa perkara :

- Terdapat perawi yang memang seorang pendusta dan dikenali sebagai pendusta hadith dan hadith tersebut tidaklah diriwayatkan oleh perawi yang thiqah.⁶
- Iqrar dan pengakuan pemalsu hadith itu sendiri bahawa ia telah memalsukan hadith⁷. Contohnya hadith-hadith berkenaan fadhilat al-Qur'an di mana Maisarah Bin Abdu Rabbihu al-Farisiyy, perawi hadith itu telah mengaku ia memalsukan hadith.⁸
- Kenyataan perawi yang boleh difahami bahawa ia secara tidak langsung membuat pengakuan mendustakan hadith. Contohnya sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Imam al-'Iraqiyy, perawi yang meriwayatkan sebuah hadith daripada seorang syaikh kemudian ia ditanya tentang tarikh kelahirannya, lalu ia menyebut tarikh kelahirannya dan terbukti syaikh berkenaan meninggal sebelum ia dilahirkan ! Manakala hadith itu pula tidak ada orang lain yang meriwayatkannya melainkan ia. Dalam hal ini, perawi tidak mengaku telah melakukan pemalsuan tetapi perakuan tentang tarikh kelahirannya adalah dikira sebagai iqrar bahawa ia terlibat memalsukan hadith.⁹

2- Mengenal Hadith Palsu Menerusi Kajian Terhadap Matan Hadith :

Kita sebenarnya banyak terhutang budi kepada Al-Allamah Ibnu Qayyim al-Jauziyyah r.a yang telah menyenaraikan secara jelas dan terperinci ciri-ciri untuk mengenal hadith palsu dalam kitab beliau al-Manar al-Munif Fi al-Sahih Wa al-Dha'if. Tulisan beliau ini cukup bermakna bagi kita dan boleh membantu kita menilai matan-matan hadith palsu. Walaupun begitu kita perlu melihat kepada penelitian-penelitian yang dilakukan ulamak terhadap kitab ini seperti tahqiq dan penjelasan yang dibuat oleh al-Syaikh Abdul Fattah Abu Ghuddah.

Di samping itu juga kita dibekalkan dengan banyak kaedah berguna untuk menyanggah hadith palsu melalui apa yang diutarakan oleh Al-Allamah Ibnu Al-Jauziyy dalam kitab al-Maudhu'aat. Bahkan sebahagian ulamak menganggap bahawa kitab al-Manar al-Munif karangan Ibnu Qayyim adalah ringkasan daripada kitab al-Maudhu'aat berdasarkan persamaan contoh-contoh yang ada dalam kedua-dua buah kitab. Walaubagaimanapun, kaedah-kaedah yang dikemukakan Ibnu Qayyim dalam menilai matan hadith palsu melayakkannya berada jauh di hadapan mendahului Ibnu al-Jauziyy yang tidak berbuat demikian.¹⁰

Merujuk kepada dua buah kitab tersebut dan kitab-kitab lain berkaitan cara mengecam kepalsuan dalam matan-matan hadith dapatlah disenaraikan seperti berikut :

- Matan hadith bercanggah dengan nas al-Qur'an. Contohnya¹¹ :

(لا يدخل ولد الزنا ولا شيء من نسله إلى سبعة آباء الجنة)

Maksudnya:

“Anak zina tidak akan masuk Syurga, sampai tujuh keturunan”.

Hadith ini berlawanan dengan maksud ayat 164, Surah al-An'am :

(ولا تزر وازرة وزر أخرى)

Maksudnya:

“Dan seseorang itu tidak akan menanggung dosa orang lain”.

- Matan hadith bercanggah dengan nas hadith yang sahih. Contohnya :

(من رفع يديه في التكبير فلا صلاة له)

Maksudnya:

“Sesiapa yang mengangkat kedua tangannya ketika bertakbir, maka tidak dikira solat untuknya (solatnya tidak sah)”

Matan tersebut berlawanan dengan hadith-hadith sahih yang menyebut Nabi s.a.w mengangkat kedua-dua tangan baginda semasa bertakbir.¹²

- Matan mengandungi sesuatu yang mustahil dan ditolak akal yang waras. Contohnya :

(قيل : يا رسول الله ممْ ربنا ؟ قال : لا من الأرض ولا من السماء ، خلق

خيلا فأجرها فعرقت فخلق نفسه من ذلك العرق)

Maksudnya:

“Ditanya, Wahai Rasulullah, daripada apakah Tuhan kita ? Jawab baginda: Tidak dari bumi dan tidak juga dari langit. Dia menciptakan kuda lalu dilarikannya sehingga kuda itu berpeluh, lalu dari peluh itu Dia menciptakan dirinya”.¹³

- Terdapat unsur-unsur janggal yang membuktikan ia bukan dari hadith Nabi s.a.w. Ciri ini banyak terdapat pada matan-matan hadith palsu. Contohnya :

(من قال لا إله إلا الله ، خلق الله من تلك الكلمة طائرا له سبعون ألف

لسان ، لكل لسان سبعون ألف لغة يستغفرون الله له)

Maksudnya:

“ Sesiapa menyebut *La Ilaha Illa ALLah, Allah akan menjadikan daripada kalimat tersebut seekor burung yang mempunyai tujuh puluh ribu lidah, setiap lidah pula mempunyai tujuh puluh ribu bahasa yang semuanya memohon keampunan Allah untuknya...* ”¹⁴

- Perasaan (yang benar) boleh mengesani kepalsuan dan menolaknya. Contohnya :

(الbadnjhan شفاء من كل داء)

Maksudnya :

‘Terong adalah penawar bagi setiap penyakit’.

Hadith ini juga bercanggah dengan ilmu dan kaedah perubatan.¹⁵

- Matan mengandungi perkara-perkara yang buruk dan bahan ketawa. Contohnya :

(لا تسبوا الديك ، فإنه صديقي ، ولو يعلم بنو آدم ما في صوته لاشتروا

ريشه و لحمه بالذهب)

Maksudnya:

“ Janganlah kamu mencela ayam kerana ia adalah temanku. Sekiranya anak Adam tabu menilai keistimewaan suara ayam nescaya ia akan membeli bulu dan dagingnya dengan tukaran emas”¹⁶.

- Matan jelas bercanggah dengan sunnah sahihah. Mana-mana hadith yang membawa maksud menyanjung kebatilan atau mencaci kebenaran atau seumpamanya tidak ada kaitan langsung dengan persabdaan Nabi s.a.w.

Contohnya :

Hadith-hadith yang menyanjung orang yang bernama Ahmad atau Muhammad di mana sesiapa yang namanya Ahmad atau Muhammad tidak akan masuk neraka.¹⁷

- Matan yang bermaksud menuduh Nabi s.a.w melakukan suatu perkara yang zahir di hadapan semua sahabat dan semua sahabat bersetuju untuk merahsiakannya tanpa menyampaikan kepada orang lain.

Contohnya :

Hadith yang menyebut Nabi s.a.w memegang tangan Ali bin Abi Talib r.a di hadapan para sahabat semasa mereka pulang dari haji Wada' seraya berkata: Inilah wasiatku, saudaraku dan juga khalifah sesudahku. Maka dengar dan taatlah kepadanya. Setelah itu semua sahabat berpaktat untuk merahsiakan hal itu.¹⁸

- Matan hadith itu sendiri mengandungi kebatilan yang membuktikan bahawa ia bukan dari kata-kata Nabi s.a.w.

Contohnya

(إِذَا غَضِبَ اللَّهُ تَعَالَى أَنْزَلَ الْوَحْيَ بِالْفَارَسِيَةِ ، وَإِذَا رَضِيَ أَنْزَلَهُ بِالْعَرَبِيَّةِ)

Maksudnya :

"Apabila Allah murka Dia menurunkan wahyu dalam bahasa Farsi dan apabila Dia redba diturunkan wahyu itu dalam bahasa Arab".¹⁹

- Matan tidak menyerupai kata-kata para Nabi, lebih-lebih lagi kata-kata Nabi s.a.w, juga bicara para sahabat.

Contohnya :

(النظر إلى الوجه الجميل عبادة)

Maksudnya:

"Memandang kepada wajah yang cantik adalah satu ibadah".²⁰

- Matan menyebut tarikh-tarikh tertentu bagi peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Contohnya :

Kata-kata pendusta: Apabila berlaku gerhana bulan pada bulan Muharram akan berlakulah kemelaratan hidup, peperangan dan kesibukan pemerintah. Apabila ia berlaku pada bulan Safar pula akan terjadi peristiwa-peristiwa tertentu.²¹

- Matan lebih mirip kepada nasihat dan pandangan tabib.

Contohnya :

(أَكُلُّ السِّمْكَ يُوْهِنُ الْجَسْدَ)

Maksudnya :

“Memakan ikan boleh melemahkan tubuh badan”.²²

- Hadith-hadith berhubung kelebihan akal, semuanya dusta.

Contohnya :

Hadith yang menyebut kata-kata Allah kepada akal: Tidaklah Aku menciptakan satu makhluk pun yang lebih mulia daripada engkau..²³

- Hadith-hadith yang menyebut al-Khadhir masih hidup, semuanya dusta.

Contohnya :

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ فِي الْمَسْجِدِ ، فَسَمِعَ كَلَامًا مِّنْ
وَرَائِهِ ، فَذَهَبُوا يُنْظَرُونَ فَإِذَا هُوَ الْخَضِيرُ

Maksudnya:

“ Sesungguhnya tatkala Rasulullah s.a.w berada di masjid, baginda mendengar satu suara di belakang baginda, lalu para sahabat menuju kearah suara tersebut, rupa-rupanya ia adalah al-Khadir.”²⁴

- Hadith-hadith yang ditolak oleh hadith-hadith al-Shawahid al-Sahihah.

Contohnya :

Hadith berkenaan dongeng gergasi ‘Uuj bin ‘Unuq (‘Uuq) yang tingginya tiga ribu hasta di mana sewaktu banjir besar yang betlaku pada zaman nabi Nuh a.s, air banjir tidak pun melepas buku lalinya.²⁵

- Hadith-hadith berhubung fadhilat solat pada siang dan malam hari dalam seminggu. Demikian juga hadith-hadith berkaitan solat al-raghib yang dilakukan pada malam Jumaat pertama di awal bulan.²⁶

- Hadith-hadith berhubung fadhilat solat malam nisfu Sya’ban.²⁷

- Lafaz hadith lemah dan janggal, tidak senang didengar telinga dan ditolak oleh tabi'at. Contohnya :

(أربع لا تُشبع من أربع : أشي من ذكر ، وأرض من مطر ، وعين من نظر ، وأذن من حجر)

Maksudnya :

"Empat perkara yang tidak kunjung puas dari empat perkara: wanita dari lelaki, bumi dari hujan, mata dari pandangan dan telinga dari perkhabaran".²⁸

- Hadith-hadith yang menghina warga Habshah, Sudan, Turki, al-Khusyan dan golongan al-Mamalik.²⁹
- Terdapat qarinah (tanda) yang menunjukkan hadith tersebut adalah batil. Contohnya : Hadith-hadith berkaitan pembayaran jizyah yang digugurkan ke atas penduduk Yahudi di Khaibar.³⁰
- Hadith-hadith berkenaan kelebihan burung merpati tidak ada satu pun yang sahih.
- Hadith-hadith berhubung kelebihan memelihara ayam tidak ada satu pun yang sahih.
- Hadith-hadith yang menghina anugerah anak. Semuanya dusta.
- Hadith-hadith berhubung kelebihan bercelak, berhias dan bersolat pada hari Asyura' tidak ada satu pun yang sahih kecuali hadith berkenaan galakan berpuasa pada hari itu.
- Hadith-hadith yang menyebut kelebihan surah-surah tertentu serta ganjaran orang yang membacanya dari awal Al-Qur'an hingga akhirnya sebagaimana yang yang disebut oleh al-Tha'labiyy dan al-Wahidiyy pada setiap awal surah, dan yang disebut al-Zamakhsyariyy di akhir setiap surah. Kata Abdullah Bin al-Mubarak : Saya beranggapan golongan zanadiqah yang merekakannya.
- Hadith-hadith berhubung kelebihan Abu Bakar r.a yang dipalsukan oleh golongan yang jahil seperti hadith yang menyebut apabila Allah mencipta ruh, maka Allah memilih ruh Abu Bakar, juga hadith yang

memberitakan Allah bertajalli kepada Abu Bakar r.a pada hari Kiamat secara khusus.

- Hadith-hadith berhubung kelebihan Ali bin Abi Talib r.a yang dipalsukan oleh puak al-Rafidhah / Syi'ah. Kata al-Hafiz Abu Ya'la al-Khaliliyy di dalam kitab al-Irsyad : “ Golongan al-Rafidhah telah memalsukan lebih kurang tiga ratus ribu hadith berhubung kelebihan Ali bin abi Talib dan ahli al-Bait.
- Hadith-hadith berhubung kelebihan Imam Abu Hanifah dan al-Syafi'i yang menyebut nama kedua-duanya dengan jelas.
- Hadith-hadith yang menyebut iman bertambah dan berkurang dan sebaliknya, semuanya adalah palsu, bukan hadith yang bersumberkan Rasulullah s.a.w. Walaubagaimanapun kata-kata itu adalah benar dari sudut maknanya dan merupakan ijma' para ulamak salaf.

Selain apa yang disebut di sini terdapat ciri-ciri atau tanda-tanda lain yang boleh membantu kita mengenali hadith palsu. Karya-karya ulamak berkaitan hadith palsu yang banyak ditulis dan diterbitkan boleh menolong kita mendalami perkara ini.

3- Mengenal Hadith Palsu Menerusi Karya-Karya Ulamak Hadith Berkaitan Hadith Palsu :

Antara karya-karya ulamak tentang hadith-hadith palsu ³¹ :

Al-Tazkirah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan Muhammad Bin Tohir al-Maqdisiyy (m 507 H)

Al-Abatil Wa al-Manakir Wa al-Sihah Wa al-Masyahir – karangan Abu Abdullah Al-Husain Bin Ibrahim Al-Juzqaniyy (m 543 H)

Al-Maudhu'aat – karangan Ibnu Al-Jauziyy (m 597 H)

Al-Aqidah al-Sahihah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah al-Sariyah – karangan Umar Bin Badr al-Musiliyy (m 622 H)

Ahadith al-Qussas – karangan Ibnu Taimiyyah (m 728 H)

Al-Manar al-Munif Fi al-Sahih Wa al-Dha'if – karangan Ibnu al-Qayyim (m 751 H)

Al-Laali' al-Masnu'ah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan al-Suyutiyy (m 911 H)

Tahzir al-Khawas Min Akazib al-Qussas – karangan al-Suyutiyy

Al-Fawaid al-Majmu'ah Fi Bayan al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan Syamsuddin al-Syamiyy (m 942 H)

Tanzih al-Syari'ah 'An al-akhbar al-Syani'ah al-Maudhu'ah – karangan Ibnu 'Iraq al-Kinaniyy (m 963 H)

Tazkirah al-Maudhu'aat – karangan Muhammad Bin Tahir al-Hindiyy (m 986 H)

Al-Masnu' Fi Ma'rifah al-Hadith al-Maudhu' – karangan Mulla 'Ali al-Qari (m 1014 H)

Al-Asrar al-Marfu'ah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan Mulla 'Ali al-Qari (m 1014 H)

Al-Fawaid al-Maudhu'ah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan al-Allamah al-Syaikh Mir'I bin Yusuf al-Karmiyy al-Maqdisiyy (m 1033) H)

Kashfu al-Khafa' Wa Muzil al-Ilbas- karangan al-'Ajluniyy (m 1162 H)

Al-Fawaid al-Majmu'ah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan Muhammad bin Ali al-Syaukaniyy (m 1250 H)

Al-Athar al-Marfu'ah Fi al-Ahadith al-Maudhu'ah – karangan Muhammad Bin Abdul Hayy al-Laknawiyy (m 1304 H)

Al-Lu'lū' al-Marsu' Fima Qila Fihi : La Asla Lahu Au Biaslihi Maudhu' – karangan Syaikh Muhammad Bin Abi al-Mahasin al-Qawaqjiyy (m 1305 H)

Tahzir al-Muslimin Min al-Ahadith al-Maudhu'ah 'Ala Sayyidil Mursalin – karangan Abu Abdullah Muhammad al-Basyir Zafir al-Azhariyy (m 1325 H)

Silsilah al-Ahadith al-Dha'ifah Wa al-Maudhu'ah – karangan Al-Syaikh Muhammad Nasiruddin al-Albaniyy (m 1420 H / 1999 M)

Al-Tahdith Bima Qila : La Yashhu Fihi Hadith – karangan Syaikh Bakr Bin Abdullah Abu Zaid.

Khatimah :

Inisiatif menyedarkan masyarakat peri mustahaknya kembali menghayati al-hadith dan mengkaji ilmu-ilmu berkaitan dengannya merupakan usaha mulia yang perlu diteruskan dari masa ke semasa. Ia termasuk mendedahkan persoalan-persoalan yang berkait dengan jenis-jenis hadith yang mesti diketahui dan difahami oleh setiap individu muslim termasuklah hadith-hadith palsu. Memandangkan hadith-hadith palsu yang banyak membanjiri kitab-kitab pusaka kita dan mewarnai sebahagian ibadat, pemikiran dan sikap orang-orang Islam di Negara kita , maka sudah sampai masanya untuk kita memberi perhatian serius bagi menangani isu ini, sekurang-kurangnya wujud satu kesedaran di kalangan jenerasi muda Islam khususnya peri pentingnya mereka mendalami ilmu-ilmu hadith dan mempertahankan kesucian sumber pegangan ummah ini. Semua pihak, samada kerajaan dan swasta terutama institusi-institusi agama perlu mengembeling tenaga ke arah matlamat yang murni ini.

Nota hujung

¹ Al-Suyutiyy, *Tadrib al-Rawiyy*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1/274, Al-Qasimiyy, Muhammad Jamaluddin, *Qawa'id al-Tabdith Fi Funun Mustalah al-Hadith*, Dar al-Nafais, hal. 155. Fallatah, Dr. 'Umar bin Hasan 'Uthman, *Al-Wadib'n Fi al-Hadith*, Beirut: Muassasah Manahil al-'Irfan, 1/107-108. Salih, Dr. Muhammad Adib, *Lamabat Fi Usul al-Hadith*, Beirut : al-Maktab al-Islamiyy, hal. 305.

² Al-Jauziyyah, Ibnu al-Qayyim, *al-Manar al-Munif Fi al-Sabib wa al-Dha'if*, Syria: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah, hal. 43 – 44

³ *Qawa'id al-Tabdith* , hal. 171-172

⁴ Al-Asqalaniyy, *Nuzhab al-Nazar Syarb Nukbah al-Fikr Fi Mustalah Abli al- Athar*,Syria: Muassasah Wa Maktabah al-Khafiqain, hal. 44-45

⁵ Al-Khatib, Dr. Muhammad Ajaj al-Khatib, *Al-Sunnah Qabla al-Tadwin*, Beirut : Dar al-Fikr, hal. 158-159, *Al-Mukhtasar al-Wajiz Fi Uloom al-Hadith*, Muassasah al-Risalah, hal. 269-270.

⁶ Lihat : Muqaddimah muhaqqiq : *al-Li'l'at al-Marsu'*, al-Tarabulusiyy, Muhammad bin Khalil, Beirut : Dar al-Basyair al-Islamiyyah, hal.13

⁷ Ibnu Kathir, *al-Ba'ith al-Hathith*, Beirut : Dar al-Fikr, m.s.74. *Nuzhab al-Nazar*, hal. 44

⁸ *Tadrib al-Rawiyy*, 1/274.

⁹ Lihat : *Tadrib al-Rawiyy*. 1/275

¹⁰ Al-Durainiyy, Dr. Musfir , *Maqayis Ibnu Al-Jauziyy Fi Naqd Mutum al-Sunnah Min Khilal Kitabibi Al-Maudhu'at*. Jeddah : Dar al-Madaniyy, hal. 20

¹¹ Lihat : *Maqayis Ibnu al-Jauziyy*, hal. 48-49

¹² Ibid, hal. 56

¹³ Ibid, hal. 67-68

¹⁴ Al-Manar al-Munif, hlm. 50-51

¹⁵ Lihat : *Mugaddimah al-Li'l'at al-Marsu'*, hal. 15

¹⁶ *al-Manar al-Munif* , hal. 54-55

¹⁷ Ibid, hal. 56-57

¹⁸ Ibid, hal. 57-58

¹⁹ Ibid, hal. 59

²⁰ Ibid, hal. 61-62

²¹ Ibid. hal. 63-64

²² Ibid, hal. 64

²³ Ibid, hal. 66-67

²⁴ Ibid, hal. 67

²⁵ Ibid, hal. 76-77

²⁶ Ibid, hal. 95-97

²⁷ Ibid, hal. 98-99

²⁸ Ibid, hal. 99 -100

²⁹ Ibid, hal. 101 – 102

³⁰ Ibid, hal. 102 – 105

³¹ Lihat : *al-Wadib Fi al-Hadith*, hal. 3/451-521, al-Khadir, Dr Abdul Karim Bin Abdullah, *Al-Hadith al-Dha'if Wa Hukum al-Ibtijaj* Bibi,Riyadh : Dar al-Muslim, hal. 401 – 406 .